

24 FEB 1998

Teknologi-taman

PEMBINAAN FASA 2 TAMAN TEKNOLOGI BERMULA SEDIKIT MASA LAGI

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Pembinaan ruang pejabat seluas satu juta kaki persegi di bawah fasa dua projek Taman Teknologi Malaysia (TPM) akan bermula sedikit masa lagi.

Pengerusi TPM, Tan Sri Dr Omar Abdul berkata kira-kira 100 syarikat dijangka mengambil runag-ruang pejabat itu apabila disiapkan. Lima puluh sudahpun disenaraikan.

"Tender untuk fasa dua akan dipanggil minggu depan dan pembinaan akan dimulakan pada pertengahan tahun ini," katanya kepada pemberita selepas pelancaran pusat latihan automasi kilang TPM yang dinamakan Mastercentre oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Omar berkata TPM telah mencapai kejayaan yang menggalakkan sejak beroperasi selama 18 bulan dengan 83 penyewa dan kebanyakan syarikat-syarikat itu mempunyai ekuiti tempatan.

Beliau berkata TPM bercadang untuk mengadakan usahasama dengan universiti tempatan atau luar negara untuk memberi ijazah sarjana dan kedoktoran kepada penyelidik.

Katanya perbincangan sudahpun dibuat dengan Universiti Oxford, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

Mengenai Mastercentre, Omar berkata matlamatnya ialah untuk meningkatkan keupayaan jurutera bagi memprogram dan mengendali pengautomasian pengeluaran kilang.

Katanya Mastercentre ditubuh bagi menggalakkan penggunaan automasi dalam industri bagi meningkatkan pembangunan ekonomi negara ke arah abad ke-21.

Antara kursus yang ditawarkan di pusat itu ialah operasi robot dan kawalan logik program, penyenggaraan robot, reka bentuk bantuan komputer (CAD) dan pengeluaran bantuan komputer (CAM).

Kira-kira 20 jurulatih sekarang sedang menjalani kursus yang dibahagikan kepada kelas asasi, menengah dan lanjutan. -- BERNAMA

MT WAT